

# WARTA SAWIT

Jangan lepaskan peluang memenangi RM 100... Sertai Kuiz Sawit SEKARANG!!!

Boleh didapati on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 69 (2)/Mei-Ogos 2018

**PROGRAM**

**Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014**

*Amalan Berubah, Hasil Bertambah*

11-22 Ogos 2014

Hotel Pangkajene, Sibu, Sarawak

Diadakan oleh **PERKUMHUKAN PEKEBUN KECIL SAWIT**

Anggaran

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)**  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**PENGUMUMAN AKHIR**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2016**

*Memperkasakan Peranan, Memperjuangkan Harapan*

11 - 12 Oktober 2016  
Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**PENGUMUMAN AKHIR**

**Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2018**

*Budi Disemai Bakti Dituai*

4 - 6 September 2018  
Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah

**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**Budi *disemai***  
**Bakti *dituai***



**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**  
Kementerian Industri Utama  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

## Sidang Penerbit

**PENASIHAT**  
Datuk Dr Ahmad Kushairi Din

**PENGERUSI**  
Mohamad Nor Abdul Rahman

**TIMBALAN PENERUSI/  
KETUA PENYUNTING**  
Dr Ramle Moslim

**PENYUNTING**  
Dr Norman Kamarudin  
Ruba'ah Masri  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Zulkifli Abd Manaf  
Raja Zulkifli Raja Omar  
Khairuman Hashim  
Ramlan Mat Tamin  
Noor Asmawati Abd Samad  
M Ayatollah K Ab Rahman  
Dr Miskandar Mat Sahri

**SETIAUSAHA**  
Dr Zaki Aman

## KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Keusahawanan dalam Sektor Sawit **4**
- Penglibatan Pekebun Kecil dalam Industri Sawit Negara **6**
- Kenalilah... Transformasi Minda Pekebun Kecil Sawit **8**
- Sudut Teknologi - Kaedah Pelaksanaan Insentif Integrasi Lembu dengan Sawit **11**
- Kuiz Sawit **14**
- Berita Bergambar **16**
- Sudut Kreatif Sawit **18**
- Sedutan Akhbar **19**
- Sembang Sawit **20**
- Diari & Peristiwa **22**
- Sudut Ekonomi **24**
- Usahawan Sawit Jaya **27**
- Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit **29**
- Direktori MPOB **30**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Sektor pekebun kecil adalah penting kepada pembangunan industri sawit Malaysia. Oleh itu, mereka perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan terkini agar sumbangan mereka dapat diteruskan. Menyedari hakikat ini maka Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit telah diadakan dengan tirai pertama persidangan bermula pada 1995 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Bagi tahun 2018, tirai Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil kali ini dibuka kembali dengan tema "Budi Disemai, Bakti Dituai". Kali ini ia diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah bermula 4 hingga 6 September 2018. Tema ini dipilih bagi mengenang budi, pahit jerih yang disemai pelbagai pihak tanpa mengenal erti putus asa bagi meningkatkan kesejahteraan khususnya pekebun kecil sawit di Malaysia. Selepas 100 tahun industri sawit berlalu, segala bakti yang dicurahkan telah dapat dirasai. Sumbangan industri sawit kepada pendapatan negara pada 2017 adalah

berjumlah RM 78 bilion. Warganegara Malaysia terutamanya pekebun kecil dan pengusaha sawit dipelawa mengambil peluang menyertai persidangan ini bagi berkongsi ilmu, maklumat serta pengalaman.

Melakar masa depan sektor pekebun kecil, seabad industri sawit, transformasi pekebun kecil serta peningkatan produktiviti dan pendapatan adalah empat topik tumpuan utama persidangan pada kali ini yang akan melibatkan seramai 13 pembentang mengikut

**"Segala pengorbanan yang dikeluarkan pasti akan memberi keuntungan kepada mereka."**

kepakaran masing-masing. Selain itu, persidangan kali ini juga turut mempamerkan sebanyak 27 poster yang terdiri daripada pelbagai topik merangkumi teknologi pengurusan sawit, pembangunan produk sawit, bioteknologi dan biakbaka sawit, kejenteraan ladang, ekonomi dan pengembangan pekebun kecil. Lawatan teknikal diadakan sehari sebelum seminar iaitu lawatan ke Ladang Ternakan Tenusu Yun Fook Resources Sdn Bhd. Ladang ini ditubuhkan pada 1982 dan merupakan ladang ternakan lembu tenusu terbesar di Sabah dengan kapasiti pengeluaran 8.5 juta liter susu segar setahun. Pengisian yang bermanfaat seperti ini diharapkan dapat menyuntik semangat penggiat sawit terutamanya pekebun kecil persendirian supaya lebih berdaya maju seterusnya menjadi ikon pekebun kecil sawit yang berjaya.

Matlamat lain yang ingin dicapai melalui persidangan kali ini adalah untuk menggalakkan minat generasi muda menceburi bidang penanaman sawit. Peranan mereka amat penting untuk menjadi pendokong ekonomi dan pemimpin masa hadapan memandangkan lebih 60% pekebun kecil pada masa ini telah berumur. Konsep keusahawanan merupakan strategi utama untuk menarik generasi muda menceburi sektor ini. Bukti kejayaan konsep ini dapat dilihat di beberapa negara di mana keusahawanan

menjadi pekerjaan yang dapat memakmurkan ekonomi setempat. Begitu juga apabila generasi muda berkecimpung dalam sektor ini, mereka akan dapat merasakan sektor ini menjanjikan pulangan yang setimpal malahan lebih baik daripada sektor lain jika dilaksanakan secara komersial, bersistem serta berteknologi. Justeru itu, segala pengorbanan yang dikeluarkan pasti akan memberi keuntungan kepada mereka. Kata pepatah, "Budi Disemai, Bakti Dituai," seiring slogan persidangan pada tahun ini. Persidangan pada kali ini juga dapat menjadi platform penting bagi melahirkan lebih ramai pekebun kecil sawit yang mampu meraih hasil pengeluaran sawit yang tinggi dengan amalan pengurusan sawit baik memenuhi pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Usaha gigih pekebun kecil sawit bersama MPOB dan pihak terlibat akan dapat meletakkan industri sawit sebagai tanaman komoditi utama seterusnya membawa nama Malaysia di mata dunia.



Dr Ramle Moslim

Pengarah Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
ramle@mpob.gov.my

## Sudut Renungan



"Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmat-Nya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (menggambil pelajaran daripadanya)."

Surah Al-A'raf: 57.

# KEUSAHAWANAN DALAM SEKTOR SAWIT

Keusahawanan dalam sektor pertanian telah wujud sejak sekian lama (Hamidu, 2015; Zaki, 2018). Keusahawanan tani berkembang daripada pertanian kemudian menjadi sistem yang besar merangkumi pengeluaran perladangan sehingga kepada pengeluaran dan penyediaan bahan makanan (Bairwa *et al.*, 2014). Pada ketika ini, keusahawanan tani memangkinkan pembangunan luar bandar, mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan, menggalakkan keuntungan dan meningkatkan produktiviti hasil pertanian (Bairwa *et al.*, 2014). Keusahawanan tani berperanan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan, menambah pendapatan eksport dan oleh itu kebanyakan negara Asia mempromosikannya sebagai keperluan yang utama. Keusahawanan tani di Malaysia memainkan peranan penting bagi memacu pembangunan negara melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (Mujuru, 2014; PEMANDU, 2010).

## KEPENTINGAN KEUSAHAWANAN TANI DALAM SEKTOR SAWIT DI MALAYSIA

Sektor sawit merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, kemunculan konsep perindustrian pada 1970-an telah menyebabkan sektor sawit menjadi penyumbang ketiga kepada KDNK negara. Menariknya dalam RMK-9, kerajaan memberi keutamaan kepada keusahawanan tani dan merancang meletakkan kepentingan pertanian kepada landasan yang betul, daripada sara diri kepada peluang perniagaan. Berikut adalah kepentingan keusahawanan dalam sektor sawit di Malaysia.

### Peluang Perniagaan

Peluang perniagaan dalam sektor ini adalah luas kerana bilangan populasi dunia ketika ini adalah 7 bilion dan dijangka terus meningkat kepada 9.3 bilion pada 2050 (Zaki, 2018). Ini bererti, permintaan terhadap makanan terutama produk berasaskan sawit dan peluang perniagaan akan terus berkembang.

Menariknya setiap peringkat pada rantai bekalan boleh mencipta peluang perniagaan. Dengan berskala besar, kepelbagaian variasi dan julat pemilik dalam rantai nilai menjadikan keusahawanan dalam sektor ini sebagai

perniagaan yang terbesar di dunia (Francis, 2013). Malah dijangkakan pada 2020, sektor sawit akan menyumbang kepada pendapatan kasar negara bernilai RM 178 bilion (MPOB, 2014). Keusahawanan dalam sektor sawit memberi peluang yang besar kepada pengeluaran pertanian, pemasaran, pemprosesan makanan, rangkaian bekalan, peruncitan, teknologi pemprosesan, peralatan dan pembungkusan (Bairwa *et al.*, 2014; Zaki 2018).

Kajian oleh Hassan *et al.* (2008) mendapati 95% pelajar universiti di Kelantan bersetuju bahawa sektor pertanian amat penting dan percaya kerajaan Malaysia akan memangkinkan sektor ini sebagai satu perniagaan yang berjaya. Hassan *et al.* (2008) juga menyatakan bahawa peluang perniagaan dalam bidang ini masih lagi tidak diterokai sepenuhnya.

### Polisi Kerajaan

Kerajaan telah menggalakkan generasi muda untuk menceburi perniagaan melalui kempen "Satu Keluarga, Satu Usahawan" (Bernama, 22 Disember 2015). Kerajaan amat menyokong pembangunan keusahawanan dengan menyediakan kemudahan pinjaman, nasihat, insentif, teknikal, mewujudkan pasaran yang dinamik dan pelbagai lagi. Polisi ini selari dengan Pelan Pembangunan Pelajaran Malaysia (2015-2020) untuk melahirkan generasi muda sebagai pencipta pekerjaan dan bukannya pencari pekerjaan.

Usaha membangunkan keusahawanan dalam sektor sawit memerlukan tenaga muda, berinovatif, komited dan bersemangat (Rasiah *et al.*, 2011). Bagi mempromosikan perkhidmatan berkaitan keusahawanan, agensi yang berkaitan seperti MPOB dan lain-lain perlu mendedahkan kepada umum perkhidmatan yang tersedia untuk bakal usahawan (Bairwa dan Kushwaha, 2015). Akhir sekali, perubahan polisi yang sesuai telah disediakan dan banyak polisi sokongan akan menyusul kemudian.

### Peluang Pekerjaan

Peluang pekerjaan dalam sektor pertanian khususnya sawit amatlah luas. Ketika ini, sektor pertanian telah menyediakan 4 juta pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sektor keusahawanan tani ini. Kerajaan percaya bahawa sektor pertanian akan mewujudkan lebih 201 196 peluang pekerjaan baru menjelang 2020 (MPIC, 2015). Keusahawanan dalam sektor ini merupakan strategi utama bagi menghalang generasi muda berhijrah ke bandar. Ini kerana ia memberikan mereka peluang pekerjaan, perniagaan yang menguntungkan sekali gus mengurangkan kadar kemiskinan (Bairwa dan Kushwaha, 2015).

## PENGGUNAAN MAKANAN/ KESELAMATAN MAKANAN

Pertanian termasuk produk sawit memainkan peranan penting kepada ekonomi negara sebagai bekalan keselamatan makanan, pelaburan, pertukaran mata wang dan keadilan sosial berbanding dengan sektor ekonomi yang lain (Alibayghi *et al.*, 2014). Sektor ini mempunyai peluang yang besar untuk menyumbang kepada pendapatan negara dan menyokong penilaian pertukaran mata wang Ringgit Malaysia. Ini adalah selari dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan aktiviti berasaskan agro-makanan dan juga keselamatan makanan (MPIC, 2015). Dalam erti kata lain, makanan adalah keperluan untuk kehidupan manusia. Oleh itu, kerajaan telah memberi jaminan bahawa kelestarian dan keselamatan makanan merupakan agenda utama nasional. Isu keselamatan makanan di seluruh dunia juga telah memaksa sektor ini menjalankan amalan ke arah keselamatan makanan, pembungkusan dan kawalan kualiti. Penggunaan makanan pula dilihat akan merangsangkan lagi sektor ini dan juga keusahawanan (Bairwa *et al.*, 2014).

## KETAHANAN KEMELESETAN EKONOMI

Ahli ekonomi dan strategi sering memberi fokus kepada kitaran ekonomi terutamanya kemelesetan ekonomi dan beranggapan ia perlu diuruskan dengan bijak. Ramai penyelidik dan pengamal ekonomi mengesahkan bahawa sektor ini memainkan peranan penting semasa kemerosotan ekonomi dunia (Zaki, 2018). Ini terbukti semasa krisis kewangan pada 1997/1998, sektor sawit dan produk berasaskan sawit telah menyelamatkan ekonomi Malaysia. Permintaan terhadap hasil sawit masih kukuh walaupun ekonomi dunia ketika itu tidak stabil. Oleh itu, kerajaan percaya bahawa keusahawanan dalam sektor ini mewujudkan peluang perniagaan dan mengukuhkan pembangunan kelestarian sektor ini untuk mencapai agenda dan wawasan keusahawanan tani nasional dan seterusnya melonjakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia (Mohamed, *et al.*, 2011).

## RUJUKAN

Alibayghi, A; Afsharzade, N; Poormoradi, A dan Pirmoradi, A (2014). *Predictors of agricultural science students' choice of careers in agriculture: a case form Kermanshah Province, Iran. Scholarly Journal of Agricultural Science*, 4(7): 403-409.

Bairwa, S L; Abhishek Kalia; Meena, L K; Kerobim Lakra dan Saket Kushwaha (2014). *Agribusiness management education: A review on employment opportunities. International*, Vol. 4, (2).

Bairwa, S L dan Kushwaha, S (2015). *Agribusiness: The Way of Attracting and Retaining Rural Youth in Farming*. <https://www.researchgate.net/publication/303224226>.

Bernama (2015). *One family, one entrepreneur*. 22 Disember 2015.

Francis, D H dan Banning, K (2001). *Who wants to be an entrepreneur? Journal of Academy of Business Education* 1 (2): 5-11.

Hamidu, K (2015). *Entrepreneurship intention and involvement in agribusiness enterprise among youths in Gombe Metropolis, Gombe State, Nigeria: Potentials of agribusiness in Nigeria. Journal of Biology, Agriculture and Healthcare*. Vol. 6.

Hassan, T T; Mamat, W W F; Yusof, Z dan Mahmud, A (2008). *The willingness of students of Institute of higher learning in Kelantan to choose agriculture as a career in the era of ECER. ECER Regional Conference 2008*. Universiti Teknologi MARA Kelantan.

Mohamed, Z; Rezai, G dan Shamsudin, MN (2011). *The Effectiveness of Entrepreneurship Extension Education among the FAO Members in Malaysia. Current Research Journal of Social Science* Vol. 3 (1).

MPIC (2012). *National Commodities Policies*. Putrajaya.

MPOB (2014). *Laporan Tahunan 2014*. MPOB, Bangi, Selangor.

Mujuru, J T R (2014). *Entrepreneurial agriculture for human development: A case study of Dotito Irrigation Scheme, Mt Darwin. International Journal of Humanities and Social Science*, 4 (4).

PEMANDU (2010). *Government Transformation Programme*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Rasihah, R (2011). *Malaysian Economy: Unfolding Growth and Social Change*. Oxford University Press. Kuala Lumpur.

Zaki (2018). *Agribusiness Entrepreneurial Intention: The Role of Psychological Traits, Situational Factor, Perceived Behaviour Control and Entrepreneurial Education*. Tesis PhD. Universiti Teknologi MARA.



Sumbangan:  
Dr Zaki Aman  
zaki@mpob.gov.my

## PENGLIBATAN PEKEBUN KECIL DALAM INDUSTRI SAWIT NEGARA

Sektor pekebun kecil sawit memainkan peranan penting dalam industri sawit negara. Pelbagai pihak telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memajukan industri sawit negara termasuklah pekebun kecil sawit persendirian. Di Malaysia, pekebun kecil sawit terdiri daripada dua kategori iaitu pekebun kecil sawit persendirian dan pekebun kecil sawit tersusun. Pekebun kecil sawit persendirian merupakan pekebun yang mengusahakan tanaman sawit secara persendirian tanpa ikatan dan kawalan khusus daripada sesebuah agensi pembangunan. Mereka memiliki pegangan tanah kurang daripada 40.46 ha. Pekebun kecil tersusun pula terdiri daripada pekebun kecil yang mendapat bantuan khusus dari agensi seperti FELDA, FELCRA atau agensi-agensi di bawah kerajaan negeri (Khairuman, 2014). Sebanyak 16.9% kawasan sawit yang dimiliki oleh pekebun kecil persendirian. Sehingga Jun 2018, jumlah pekebun kecil sawit persendirian adalah seramai 250 931 orang dengan keluasan 986 363 ha. Walaupun purata hasil pekebun kecil persendirian dikatakan meningkat sebanyak 6.6%, namun pendapatan secara purata menurun sebanyak 40.4% ekoran kejatuhan harga buah tandan segar (BTS) sebanyak 27.9% berbanding tahun 2016 kepada RM 518/tan (MPOB, 2017a).

Justeru itu, bagi memastikan sektor pekebun kecil mengekalkan hasil BTS dan pendapatan tinggi kepada ekonomi negara, kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran sawit secara mampan (Roslan *et al.*, 2013). Salah satu cara untuk mencapai

*“Melalui skim ini, penghasilan minyak sawit mampan dapat direalisasikan dengan pelaksanaan efisien sektor pengilangan, perladangan dan pekebun kecil sawit persendirian”.*

ke arah penanaman sawit mampan adalah melalui pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang telah diumumkan pada 24 Februari 2017. Melalui skim ini, minyak sawit mampan dapat dihasilkan. Pelaksanaan MSPO merangkumi sektor pengilangan, perladangan dan pekebun kecil sawit persendirian. Sehingga Jun 2018, sebanyak 60 Kelompok Minyak Sawit Malaysia (SPOC) telah mendapat pensijilan MSPO mewakili seramai 3229 pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan 12 187 ha.

*“KPSM turut memainkan peranan dengan bertindak sebagai organisasi berdaftar untuk mengumpulkan pekebun kecil di kawasan koperasi melalui ahli-ahlinya.”*

Selain daripada pensijilan MSPO, penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) juga merupakan satu strategi membantu pekebun kecil meningkatkan hasil BTS mereka. Melalui KPSM, pekebun kecil didorong untuk melaksanakan aktiviti amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan. Penubuhan KPSM merupakan satu program utama dalam aktiviti SPOC. Melalui penubuhan KPSM ini juga, pekebun kecil dapat disatukan di bawah satu kelompok bagi menjalankan aktiviti pemasaran BTS yang lebih kompetitif untuk manfaat bersama. KPSM turut memainkan peranan dalam MSPO, kerana ia bertindak sebagai pengurus untuk mengumpulkan pekebun kecil di kawasan koperasi melalui ahli-ahlinya. Ia juga merupakan perantara dalam melaksanakan dan menyampaikan maklumat mengenai pensijilan kepada ahli dan juga pekebun kecil persendirian lain. KPSM menggalakkan pekebun kecil bergabung dalam menjalankan aktiviti pensijilan mampan. Selain itu, KPSM juga berperanan dalam rangkaian pengeluaran sawit pekebun kecil termasuk memasarkan hasil BTS ahli-ahlinya dan pekebun kecil lain. Sehingga 30 Jun 2018, sejumlah 50 buah KPSM telah didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang merangkumi 20 buah KPSM di Semenanjung, 15 buah di Sabah dan 15 buah di Sarawak.

**“Hasrat kerajaan untuk menghasilkan pengeluaran minyak sawit mampan dapat direalisasikan, seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian, di samping penggunaan teknologi terkini yang disarankan MPOB.”**

Pensijilan MSPO dan penubuhan KPSM merupakan langkah strategi kerajaan dalam mendokong aspirasi negara memacu tahap ekonomi yang lebih tinggi dan berdaya maju dengan turut melahirkan usahawan sawit yang berjaya. Menurut Bairwa *et al.*, (2014) dan Zaki (2018), usahawan tani memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan luar bandar. Ia dapat mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan tahap sosioekonomi, mengurangkan masalah sosial, mengurangkan tahap migrasi di kalangan generasi muda dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada golongan pendokong wawasan ini. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh Hassan *et al.* (2008) yang menyatakan 95% daripada pelajar universiti di Kelantan bersetuju dan percaya bahawa kerajaan akan menjadi pemacu kejayaan sektor pertanian. Kejayaan kedua-dua program yang positif ini, hasrat kerajaan untuk menghasilkan minyak sawit mampan pasti dapat direalisasikan seterusnya meningkatkan taraf hidup pekebun kecil sawit persendirian.

#### RUJUKAN

Bairwa, S L; Abhishek Kalia; Meena, L K; Kerobim Lakra dan Saket Kushwaha (2014). *Agribusiness Management Education: A Review on Employment Opportunities. International Journal of Scientific and Research Publications, Vol. 4, (2): 1-40.*

Hassan, T T; Mamat, W W F; Yusof, Z dan Mahmud, A (2008). *The willingness of students of institute of higher learning in Kelantan to choose agriculture as a*

*career in the era of ECER. ECER Regional Conference 2008. UiTM Kelantan.*

Khairuman, H; Nur, H M; Hamdan, A B dan Wahid, O (2014). Pusat TUNAS MPOB: Penggerak Pekebun Kecil Sawit Persendirian.

MPOB (2017). *MPOB Fact Sheet. Pekebun Kecil Sawit. m.s. 1-46.*

MPOB (2017). *Statistic of Malaysia Palm Oil FFB Price.* <http://bepi.mpob.gov.my/index.php/en/statistics/price/monthly.html>, diakses pada 6 Ogos 2018.

MPOB (2017). *Overview of the Malaysian Oil Palm Industry.* [http://bepi.mpob.gov.my/images/overview/Overview\\_of\\_Industry\\_2017.pdf](http://bepi.mpob.gov.my/images/overview/Overview_of_Industry_2017.pdf), diakses pada 6 Ogos 2018.

Nazirah, C J; Zaki, A dan Idris, O (2017). Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) untuk Pekebun Kecil Sawit. *Risalah Sawit.*

Roslan, A; Ramli, A dan Yahaya, H (2013). *Economic Feasibility Study on Establishing an Oil Palm Biogas in Malaysia. Oil Palm Industry Economic Journal, Vol 13(1): 14-21.*



Sumbangan:

Ainul Shazwin Sahidan

ainul.shazwin@mpob.gov.my

## KENALILAH... TRANSFORMASI MINDA PEKEBUN KECIL SAWIT

Pelbagai pendekatan diamalkan bagi memastikan isu pendapatan pekebun kecil sawit persendirian yang rendah dapat diatasi dengan baik. Satu pendekatan yang sesuai adalah mengamalkan teknik 'Transformasi Minda Pekebun Kecil Sawit'. Sektor pekebun kecil sawit memainkan peranan penting dalam industri sawit negara. Tanaman sawit oleh pekebun kecil mewakili 16.9% daripada keluasan keseluruhan tanaman sawit negara. Sumbangan pekebun kecil bagi membekalkan buah tandan segar (BTS) adalah saling melengkapi rantai bekalan industri sawit. Namun, hasil pendapatan pekebun kecil sawit dikategorikan dalam kelompok yang rendah. Pendapatan pekebun kecil sawit yang rendah dan kadangkala tidak menentu menyebabkan perbelanjaan isi rumah turut terganggu. Faktor pendapatan yang rendah ini disebabkan oleh harga pasaran BTS yang tidak menentu, jumlah pengeluaran BTS yang rendah, faktor perubahan iklim seperti fenomena *El-Nino* selain faktor keluasan tanaman. Oleh itu, konsep Transformasi Minda Pekebun Kecil Sawit dicadangkan diperkenalkan bagi meningkatkan pencapaian pekebun kecil sawit ke tahap yang lebih maju dan berdaya saing. Pekebun kecil sawit disaran dapat meningkatkan produktiviti sekali gus meningkatkan pendapatan pekebun kecil agar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan kerajaan. Menjelang tahun 2020, kerajaan mensasarkan pendapatan bulanan minimum bagi pekebun kecil ialah minimum RM 4000 bagi setiap keluarga (Jabatan Perdana Menteri, 2016).

Selaras dengan keluasan tanah yang terhad bagi tujuan pengembangan kawasan perladangan sawit, kerajaan berusaha meningkatkan kecekapan pengeluaran secara mampan (Roslan *et al.*, 2013). Salah satu cara untuk mencapai ke arah penanaman sawit mampan adalah mengimplementasi teknologi dan kaedah baharu oleh pekebun kecil sawit persendirian (Nur Hanani *et al.*, 2010). Kerajaan memperkenalkan cara yang sesuai agar kelompok pekebun kecil sawit yang berpendapatan rendah atau sederhana mampu mempelbagaikan sumber pendapatan mereka. Kerajaan juga mensasarkan hasil produktiviti BTS pekebun kecil menjelang tahun 2020 mencecah 22 tan/ha/thn. Produktiviti BTS pekebun kecil persendirian dari tahun 2012-2017 seperti *Jadual 1*.

Pekebun kecil sawit menghadapi pelbagai cabaran yang menyebabkan mereka sukar

untuk maju dan memperoleh pendapatan yang lumayan. Semua isu semasa global yang melibatkan industri sawit seperti penurunan harga minyak sawit, kenaikan harga input pertanian, perubahan cuaca, kekurangan tenaga kerja, pemuliharaan alam sekitar dan lain-lain lagi yang memberi kesan kepada industri sawit juga melibatkan pekebun kecil (Kushairi, *et al.*, 2016).

Objektif utama transformasi minda pekebun kecil ialah meningkatkan pendapatan bagi menambah baik taraf hidup sosio ekonomi pekebun kecil melalui perubahan minda bagi merangsang mereka menceburi aktiviti tambah nilai yang memberi manfaat kepada pekebun kecil.

**JADUAL 1. PURATA PRODUKTIVITI  
BTS PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN  
(2011-2017)**

Tahun	Hasil (tan/ha/thn)
2012	18.53
2013	18.21
2014	18.00
2015	17.33
2016	16.12
2017	17.19

### KONSEP DAN KAEDAH

**Mendokong Aspirasi Kerajaan** - Pekebun kecil disaran mendukung aspirasi kerajaan dalam pelbagai aspek yang telah diperkenalkan bagi memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi dan berdaya maju. Aspirasi kerajaan diperkenalkan melalui pelbagai pendekatan seperti Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Amalan Pertanian Baik (GAP). Pensijilan MSPO dan GAP diperkenalkan oleh kerajaan kepada sawit bertujuan bagi memastikan produk sawit dihasilkan melalui kaedah yang mampan. Selain itu, pensijilan juga menjamin pengeluaran hasil sawit yang lebih optimum, selamat digunakan dan mesra alam. Manakala pensijilan GAP bertujuan pengiktirafan yang diberikan kepada pekebun kecil sawit yang berjaya menguruskan kebun sawit mengikut piawaian disyorkan oleh MPOB. Koperasi

Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan salah satu program Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) bertujuan menyatukan pekebun kecil sawit agar berupaya menjalankan aktiviti bagi meningkatkan pendapatan melalui urus niaga BTS secara berkelompok (Nazirah *et al.*, 2017).

**Merebut Peluang yang Tersedia** - Pelbagai peluang boleh direbut pekebun kecil melalui skim-skim bantuan kerajaan yang dikawal selia MPOB dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Antaranya ialah:

- i) **Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)** bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pembukaan kawasan baru sawit dan menggantikan pokok tua yang tidak produktif. Selain itu, program ini dapat meningkatkan keluasan tanaman sawit serta pengeluaran hasil sawit negara.
- ii) **Skim Insentif Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan Sawit (ITe dan ITa)** ialah bantuan yang disediakan kerajaan bertujuan membantu pekebun kecil mengoptimumkan penggunaan tanah dan memanfaatkan sumber semula jadi yang terdapat di ladang sawit. Ia juga dapat menjana sumber pendapatan tambahan selain dapat melahirkan usahawan tani di kalangan pekebun kecil sawit persendirian.
- iii) **Skim Insentif Pembelian Alatan Mekanisasi (OPIMIS)** berbentuk pemberian geran bagi meningkatkan pemilikan dan penggunaan jentera untuk aktiviti perladangan sawit. Ia bertujuan menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam aktiviti penuaian, pengangkutan BTS, pengutipan buah relai dan pengurusan serta penjagaan tanaman sawit.
- iv) **Khidmat Pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar Nasihat Sawit)** dari Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED) adalah anggota MPOB ditempatkan di kawasan pekebun kecil sawit kepadatan tinggi bagi melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi kepada pekebun kecil (Nur Hana *et al.*, 2016). Matlamat utama aktiviti pengembangan yang dijalankan adalah untuk menyampaikan maklumat dan teknologi terkini berkaitan tanaman sawit dan menyelia skim bantuan kerajaan kepada pekebun kecil sawit yang terlibat.

### **Mengoptimumkan Penggunaan Tanah**

- Pekebun kecil sawit digalakkan untuk menjalankan aktiviti bagi mengoptimumkan penggunaan tanah selain melalui aktiviti Skim Bantuan Integrasi tanaman dan ternakan bagi menjana pendapatan tambahan. Pelbagai cara boleh dilaksanakan pekebun kecil bagi mengoptimumkan penggunaan tanah mengikut kesesuaian seperti menternak ayam kampung, melaksanakan tanaman sayur-sayuran secara hidroponik dan menternak ikan keli di dalam tong. Teknik dan ilmu bagi menjalankan aktiviti ini boleh diperoleh melalui pelbagai cara seperti berinteraksi dengan pegawai pertanian setempat, melalui bahan bacaan seperti buku, risalah dan perolehan maklumat secara atas talian internet di samping interaksi bersama pengusaha sekitar kawasan yang telah berjaya mengusahakan aktiviti menjana pendapatan tambahan. Setelah hasil dituai, produk boleh dijual secara terus kepada pengguna atau dibekalkan kepada penjual setempat. Kaedah ini dapat meningkatkan pendapatan di samping menggunakan sendiri hasil pengeluaran yang diusahakan.

**Berusaha Meningkatkan Pendapatan** - Pekebun kecil sawit digesa untuk meningkatkan pendapatan seiring dengan keadaan ekonomi dan kos sara hidup yang tinggi pada masa sekarang. Usaha meningkatkan pendapatan perlu dilakukan pekebun sawit persendirian agar mereka dapat menjalani hidup dengan lebih selesa. Sejarar dengan saranan kerajaan, pekebun kecil tidak seharusnya bergantung kepada pemberian terus yang disalurkan seperti BRIM dan bantuan-bantuan lain. Pelbagai usaha boleh dilakukan pekebun kecil untuk meningkatkan pendapatan selain yang telah dinyatakan pada kaedah di atas, antaranya dengan memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti internet atau saluran media sosial untuk mempromosi dan menjual produk-produk kampung seperti kerepek, bakul rotan, durian, sayur-sayuran, buah-buahan, hasil sungai, mempromosi agro-pelancongan sekiranya sesuai dan sebagainya.

### **KESIMPULAN**

Transformasi Minda Pekebun Kecil Sawit dapat memberikan banyak faedah dari pelbagai sudut terutamanya untuk meningkatkan sumber pendapatan bagi menambah baik taraf hidup dan sosioekonomi sekeluarga. Empat kaedah iaitu mendukung aspirasi kerajaan, merebut peluang yang tersedia, mengoptimumkan

*“Empat kaedah iaitu mendukung aspirasi kerajaan, merebut peluang yang tersedia, mengoptimumkan penggunaan tanah dan berusaha meningkatkan pendapatan adalah kaedah yang mudah dan sesuai untuk diamalkan pekebun kecil.”*

penggunaan tanah dan berusaha meningkatkan pendapatan adalah kaedah yang mudah dan sesuai untuk diamalkan oleh pekebun kecil persendirian melalui minda pemikiran mereka berdasarkan pemerhatian dan analisis yang telah dilakukan.

#### RUJUKAN

Jabatan Perdana Menteri (2016). Laporan Bulanan NKEA-EPP2.

Khairuman, H; Nur, H M; Hamdan, A B dan Wahid, O (2014). Pusat TUNAS MPOB: Penggerak Pekebun Kecil Sawit Persendirian.

Kushairi, A; Hamdan, A B; Wahid, O; Zulkifli, A M dan Raja Zulkifli, R O (2016). Transformasi Industri Sawit Sektor Pekebun Kecil: Memperkasa Peranan, Memperjuangkan Harapan. *Prosiding Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2016*. Ipoh, Perak. m.s. 6-17.

MPOB (2017). *MPOB Fact Sheet*. Pekebun Kecil Sawit. m.s. 1-46.

MPOB (2017). *Overview of the Malaysian Oil Palm Industry*. [http://bepi.mpob.gov.my/images/overview/Overview\\_of\\_Industry\\_2017.pdf](http://bepi.mpob.gov.my/images/overview/Overview_of_Industry_2017.pdf), diakses pada 13 Julai 2018.

Nazirah, C J; Zaki, A dan Idris, O (2017). Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) untuk Pekebun Kecil Sawit. *Risalah Sawit*.

Nur Hana, B; Khairuman, H dan M Ayatollah Khomeini, A R (2016). Tahap Penerimaan Pekebun Kecil Sawit Persendirian terhadap Aktiviti Pengembangan dari Pusat TUNAS.

Nur Hanani, M; Nursuhana, D dan Khairuman, H (2010). *Adoption of Technology for Immature Oil Palm by Smallholders in Malaysia*.

Roslan, A; Ramli, A dan Yahaya, H (2013). *Economic Feasibility Study on Establishing an Oil Palm Biogas in Malaysia*. *Oil Palm Industry Economic Journal*, Vol. 13(1): 14-21.



Sumbangan:

Syed Mohd Hazry Syed Hamid dan Dr Zaki Aman  
mohd.hazry@mpob.gov.my

## **SUDUT TEKNOLOGI**

# **KAEDAH PELAKSANAAN INSENTIF INTEGRASI LEMBU DENGAN SAWIT**

Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) telah diwujudkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Satu daripada insentif yang disediakan adalah integrasi lembu dengan sawit kepada pekebun kecil sawit persendirian. Skim ini bertujuan untuk mengoptimalkan penggunaan tanah dan memanfaatkan sumber semula jadi yang terdapat di ladang sawit untuk pemeliharaan ternakan. Skim ini dapat menjana sumber pendapatan tambahan dan melahirkan usahawan tani di kalangan pekebun kecil sawit persendirian.

Syarat permohonan skim ini ialah pemohon mestilah mempunyai geran tanah yang sah dengan keluasan kebun sawit minimum 2 ha dan tidak melebihi 7 ha. Umur pokok sawit pemohon mestilah berusia lima tahun dan ke atas. Pemohon mestilah berusia 18 tahun ke atas dan mempunyai komitmen tinggi untuk melaksanakan projek ini dengan jayanya. Keadaan kebun sawit pemohon mestilah sesuai dan selamat untuk menjalankan integrasi lembu yang akan diterima kelak.

MPOB sebagai agensi pelaksana telah berusaha untuk menjayakan skim insentif ini kepada pekebun kecil persendirian sawit di dalam negara. Ia mula dilaksanakan bermula pada 2016 sehingga kini. Pelbagai cabaran dan halangan dihadapi oleh MPOB dalam melaksanakan skim ini. Walaupun begitu, cabaran dan halangan dapat diatasi berkat kerjasama dari agensi-agensi kerajaan, pihak pembekal ternakan dan juga pekebun kecil sawit persendirian.

### **PERLAKSANAAN INSENTIF LEMBU**

#### **Permohonan**

Borang permohonan daripada pekebun kecil sawit persendirian boleh diperolehi di pejabat MPOB yang berdekatan dengan lokasi tempat tinggal pemohon. Borang permohonan

diproses berdasarkan sistem prosedur yang telah ditetapkan MPOB. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi untuk tujuan pemeriksaan kebun sawit dan sesi temu bual. Pegawai MPOB akan melaksanakan pemeriksaan kebun bagi menentukan kesesuaian kebun dan menilai pengalaman dan kesanggupan pemohon. Hanya permohonan yang lulus lawatan pemeriksaan kebun sahaja dicadangkan untuk kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaksana Skim Bantuan Sawit Pekebun Kecil.

#### **Kursus Asas Pengurusan Integrasi Lembu dengan Sawit**

Pemohon yang diterima sebagai peserta skim ini diwajibkan menghadiri kursus asas integrasi lembu dengan sawit yang dijalankan selama tiga hari anjuran MPOB. Biasanya, kursus ini dijalankan di Stesen Penyelidikan MPOB Keratong, Pahang dan Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu, Sabah. Kursus ini menekankan aspek pengurusan integrasi lembu di ladang sawit. Modul utama yang diajar ialah pengurusan meragut, pengurusan makanan, pembiakan, kawalan penyakit, pengecaman dan rawatan penyakit. Tenaga pengajar terdiri daripada pegawai MPOB yang berpengalaman dan juga penceramah jemputan luar yang bertauliah dan berkemahiran.

#### **Perolehan dan Pemilihan Lembu**

MPOB menguruskan perolehan baka lembu yang diperlukan untuk pelaksanaan skim ini. Biasanya perolehan ini dibuat mengikut sistem sebut harga bagi mempercepatkan proses perolehan. Setiap penerima insentif ini akan menerima 10 ekor induk lembu betina dengan seekor lembu penjantan baka Kedah-Kelantan. Setiap lembu yang dipilih perlu memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Induk lembu penjantan mestilah berusia 24-36 bulan dengan anggaran berat hidup 220-350 kg. Manakala induk lembu betina haruslah berusia antara 18-36 bulan dengan berat hidup antara 180-300 kg.

Pembekal yang berjaya dalam proses perolehan lembu ini disyaratkan untuk membuat ujian saringan kesihatan terhadap lembu-lembu yang bakal dibekalkan kepada penerima insentif ini. Sijil kesihatan hendaklah diperolehi dari Jabatan Veterinar (DVS) yang mengesahkan gerompok lembu yang bakal dibekalkan bebas daripada jangkitan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), *Brucella*, *Melioidosis* dan penyakit-penyakit

lain yang telah ditetapkan Jabatan Veterinar. Setelah gerompok lembu berkenaan disahkan sihat dan bebas penyakit berjangkit maka proses pemilihan lembu boleh dilaksanakan.

Pemilihan induk lembu biasanya dilaksanakan di tempat pembekal yang berjaya. Pembekal perlu menyediakan keperluan dan kemudahan yang telah ditetapkan untuk proses pemilihan ini. Pemilihan lembu dilaksanakan oleh mereka yang telah dilatih secara khusus untuk tujuan ini dan mempunyai kepakaran dalam aspek pemilihan ternakan. Mereka bekerja dalam kumpulan yang terdiri daripada 4-7 orang pada satu-satu masa. Pemilihan lembu dibuat berdasarkan prosedur standard yang telah ditetapkan. Lembu yang dipilih mempunyai potensi yang tinggi untuk membiak dan bebas daripada sebarang kecacatan (*Rajah 1*). Setelah dipilih, lembu tersebut diberi ditanda kenal dengan menggunakan tag telinga plastik yang bernombor khusus.

### Penghantaran dan Penerimaan Lembu

Sebelum penghantaran lembu dilakukan, pihak MPOB akan memeriksa sama ada penerima insentif bersedia atau tidak untuk penerimaan lembu. Penyediaan pagar dan kandang adalah antara aspek penting bagi tujuan keselamatan dan untuk memudahkan pengurusan integrasi lembu dengan sawit. Kemudahan pagar dan kandang akan diperiksa dan disahkan sesuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum lembu dihantar kepada penerima insentif. Bagi penerima yang telah bersedia, pihak MPOB akan memaklumkan kepada pihak penerima sekurang-kurangnya seminggu sebelum penghantaran dibuat supaya penerima insentif boleh membuat lain-lain persediaan untuk penerimaan lembu tersebut.

Lembu yang telah dipilih dan lulus pemilihan akan dihantar secepat mungkin ke kebun penerima insentif seperti yang telah ditentukan dalam spesifikasi dan mengikut jadual bekalan serta bilangan ternakan yang telah ditentukan. Semasa penghantaran, penerima insentif mestilah menunggu konsigmen lembu yang dijanjikan dan mengesahkan penerimaan lembu yang dibekalkan di kebun mereka oleh pembekal yang telah dilantik oleh MPOB (*Rajah 2*).

### KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Sehingga kini, sebanyak 37 orang pekebun kecil telah menerima bantuan ternakan lembu



*Rajah 1. Proses pemilihan induk lembu untuk Skim Insentif Lembu RMK-11.*

di Semenanjung, Sabah dan Sarawak (*Jadual 1*). Jumlah ternakan lembu yang telah dihantar ialah 37 ekor penjantan dan 370 ekor induk betina. Daripada bancia awal yang telah dilaksanakan, didapati kadar kelahiran ialah 7% di mana 24 ekor lembu dilahirkan iaitu 11 ekor anak jantan dan 13 ekor anak betina. Tiada kematian anak dan penjantan direkodkan. Manakala terdapat 6% (22 ekor) induk lembu telah mati. Maka jumlah keseluruhan ternakan ialah 409 ekor.

### PENUTUP

Pekebun kecil digalakkan untuk memelihara lembu secara integrasi di kebun sawit mereka. Sumber makanan di sekeliling kebun sawit seperti



Rajah 2. Proses penghantaran induk lembu ke kebun penerima insentif.

***“Integrasi lembu di kebun sawit dapat mengoptimumkan produktiviti tanah dan menambah pendapatan di kalangan pekebun kecil.”***

**JADUAL 1. BILANGAN PENERIMA SKIM INSENTIF LEMBU UNTUK INTEGRASI DENGAN SAWIT BAWAH RMK-11**

Negeri	Bilangan penerima
Johor	13
Pahang	9
Perak	5
Sabah	4
Kelantan	2
Terengganu	2
Negeri Sembilan	1
Sarawak	1
Jumlah	37

Nota: Data sehingga April 2018.

pelepah sawit dan rumput semula jadi boleh digunakan sebagai sumber makanan kepada ternakan lembu. Insentif lembu untuk integrasi dengan sawit yang disediakan kerajaan di bawah RMK-11 diharap dapat membantu pekebun kecil sawit menjalankan projek ini. Pekebun kecil yang menerima insentif ternakan lembu ini perlu berusaha menguruskan ternakan mereka dengan baik bagi menghasilkan pengeluaran yang produktif dan berdaya maju. Integrasi lembu di kebun sawit dapat mengoptimumkan produktiviti tanah dan menambah pendapatan di kalangan pekebun kecil. Di samping itu juga dapat mengurangkan kos kawalan rumpai dan meningkatkan kesuburan tanah.



Sumbangan:  
Dr Md Zainal Rasyidi  
zainal.rasyidi@mpob.gov.my

## ????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 NOVEMBER 2018**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
melalui Aplikasi WhatsApp 017-821 9693  
ATAU fakskan ke 03-8920 2932  
ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my*

WHATSAPP  
SEKARANG !!!

**017-821 9693**

PENGHANTARAN  
BORANG PENILAIAN  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP.

JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
**RM 100**  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN  
ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 69 (2)/MEI-OGOS 2018.**

### **SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 69 (2)/MEI-OGOS 2018**

1. Apakah kempen yang digunakan oleh kerajaan untuk menggalakkan generasi muda menceburi perniagaan?
  - (a) Satu keluarga, satu usahawan.
  - (b) Perniagaan satu ibadah.
  - (c) Ceburi perniagaan, tingkatkan pendapatan.
  - (d) Usahawan berjaya.
2. Berikut adalah objektif utama transformasi minda pekebun kecil **KECUALI**
  - (a) Merangsang aktiviti tambah nilai.
  - (b) Mempelbagaikan produktiviti melalui cara pemikiran luas.
  - (c) Menjalankan perniagaan menggunakan modal yang besar.
  - (d) Meningkatkan pendapatan bagi menambahbaik taraf hidup sosio ekonomi.

3. Bahagian manakah yang memberi khidmat pengembangan Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) kepada pekebun kecil sawit?
- (a) Biologi
  - (b) IRED
  - (c) MSPO
  - (d) BR1M
4. Apakah jarak tanaman sawit yang digunakan oleh En Mohamad Busman?
- (a) 3 m x 3 m x 3 m
  - (b) 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m
  - (c) 9 m x 9 m x 9 m
  - (d) 12 m x 12 m x 12 m
5. Berapa banyakkah KPSM yang telah didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga 30 Jun 2018?
- (a) 50
  - (b) 40
  - (c) 30
  - (d) 20

Nama : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**JAWAPAN SOALAN KUIZ SAWIT  
BIL. 68 (1)/JANUARI-APRIL 2018**

- 1. C      4. B
- 2. B      5. C
- 3. C      6. A

**NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT**

- 1. Wardah Hanim bt. Kama Ariffin, Sri Manjung, Perak.
- 2. Mohd Fazli b. Razali, Endau, Johor.
- 3. Nur Fatin Asikin bt. Jamaludin, Bagan Serai, Perak.

# Berita Bergambar



*Tahniah atas lantikan Pengurusan baru  
Kementerian Industri Utama.*

*Majlis Larian Sawit Sempena Program 100 Tahun  
Industri Sawit Malaysia pada 13 Mei 2018  
di Putrajaya.*



*MPOB telah dianugerahkan The  
Brandlaureate Bestbrands Awards 2017-  
2018 pada 3 Mei 2018 di Hotel Majestic,  
Kuala Lumpur.*

*Pekebun kecil memberi penerangan  
kepada pelawat dari Belanda sempena  
3<sup>rd</sup> Workshop on the Malaysia-  
Netherlands Sub-Committee on Oil Palm  
(SCOP) pada 3 Mei 2018 di Kg Tok  
Muda Kapar, Klang, Selangor.*





MPOB menerima kunjungan deligasi dari United Republic of Tanzania pada 2 Mei 2018 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.

Dr Miskandar Mat Sahri, Pegawai Penyelidik MPOB memberi penerangan kepada pelawat dari Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur pada 13 Mei 2018 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



Program Kajian Nutrisi di Sekolah Kebangsaan Jalan 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 4 Ogos 2018.



Lawatan kerja Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (tengah) ke Kg Rayang, Serian, Sarawak pada 6 Ogos 2018.



## BUBUR CHA-CHA DIRAJA



### Bahan

Cha cha	1 kg
Biji sagu	100 g
Gula melaka	2 ketul
Daun pandan	2 helai
Santan sawit	200 g
Ubi keledak	100 g
Ubi keladi	100 g
Gula pasir	secukup rasa
Air	secukupnya

### Cara Membuat

1. Rebus cha-cha dan sagu sehingga masak.
2. Rebus ubi keledak dan ubi keladi secara berasingan sehingga empuk.
3. Masukkan santan sawit bersama daun pandan berserta cha-cha, sagu, ubi keledak dan ubi keladi yang telah masak.
4. Masukkan gula melaka dan tambah gula pasir sehingga cukup rasa.
5. Sedia untuk dihidang.

\* Hidangan disyorkan untuk 10 orang.



Sumbangan:  
Persatuan Chef Muslim Islam Malaysia

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat:

**Sudut Kreatif Warta Sawit**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
Emel: reza@mpob.gov.my  
WhatsApp: 017-8219 693

# SEDUTAN AKHBAR

## MPOB TERIMA ANUGERAH JENAMA NEGARA BRANDLAUREATE 2017-2018

Berita Harian, 8 Mei 2018

KUALA LUMPUR - Yayasan Jenama Asia Pasifik (APBF) memilih Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai antara penerima Anugerah Penjenamaan Negara BrandLaureate 2017-2018.

Dalam satu kenyataan, MPOB berkata, anugerah berprestij itu disampaikan awal bulan ini oleh Pengerusi APBF, Tan Sri Rainer Althoff, kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, pada jamuan makan malam yang berlangsung di Kuala Lumpur.

"MPOB memainkan peranan penting dalam membangunkan industri sawit Malaysia dengan memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu dalam aktiviti hulu, pertengahan dan hiliran sektor itu sehingga kini, MPOB telah membangunkan lebih daripada 600 teknologi yang menyumbang kepada pembangunan industri."

"Menerusi penyelidikan dan inovasi MPOB, Malaysia muncul sebagai peneraju industri sawit global dari segi kemajuan teknologi dan membangunkan amalan terbaik dalam pengeluaran, pemprosesan dan produk hiliran," katanya.

## EU TARIK BALIK SEKATAN MINYAK SAWIT MULAI 2021

Utusan Malaysia, 20 Jun 2018

KUALA LUMPUR - Kesatuan Eropah (EU) mencapai persetujuan pada Khamis lalu untuk menarik balik sepenuhnya sekatan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit mulai 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr S Kalyana berkata, kejayaan itu antaranya adalah hasil desakan Malaysia dan negara-negara pengeluar minyak sawit yang lain setelah sekatan tersebut diputuskan pada April 2017 melalui satu resolusi EU, yang kononnya untuk menjaga kelestarian alam sekitar global.

"Sejak itu EU menerima pelbagai desakan dan kecaman dari negara-negara pengeluar minyak sawit terutamanya Malaysia dan Indonesia menyebabkan mereka meneliti serta mengambil kira semua desakan tersebut yang berlangsung selama 18 bulan tanpa henti."

"Akhirnya mereka menarik balik sekatan tersebut. Keputusan yang dibuat sememangnya tepat pada masanya," katanya.

## TANGKIS KEMPEN NEGATIF TERHADAP INDUSTRI SAWIT

Berita Harian, 30 Jun 2018

JAKARTA - Malaysia dan Indonesia sepakat untuk menangkis kempen negatif Eropah terhadap industri sawit.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sebagai dua negara pengeluar utama komoditi itu, Malaysia-Indonesia perlu bekerjasama melawan kempen Eropah memburukkan industri sawit negara.

"Eksport sawit kini diancam oleh Eropah dan kita perlu bekerjasama melawan hujah mereka kononnya banyak hutan ditebang dan beri kesan besar kepada cuaca serta alam sekitar," katanya pada sidang media bersama Presiden Indonesia, Joko Widodo di Istana Presiden di Bogor, di sini.

Dr Mahathir berkata, penentangan negara Eropah itu lebih bersifat masalah ekonomi dalam kalangan mereka daripada isu kesan alam sekitar.

## RANGKA KERJA DASAR TINGKAT INDUSTRI SAWIT

Berita Harian, 4 Julai 2018

BANGI - Kerajaan akan menyediakan rangka kerja dasar yang kukuh bagi meningkatkan lagi industri sawit, selain bantuan dan usaha untuk menyokong alam sekitar bagi memastikan pembangunan industri itu yang mampan dan berdaya saing.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim berkata, industri sawit terus berdepan cabaran, terutama dalam bentuk kempen anti minyak sawit, walaupun sumbangannya yang besar kepada pembangunan negara.

"Pengguna di seluruh dunia perlu mengetahui bahawa kritikan membabitkan aspek kesihatan minyak sawit adalah tidak adil dan tidak disokong oleh fakta saintifik," katanya dalam ucapan perasmian Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi ke-24 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

## MPOB BANGUNKAN TEKNOLOGI BAHARU

Kosmo, 4 Julai 2018

KAJANG - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berhasrat menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menghasilkan teknologi dan produk baharu berasaskan sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, ini berikutan Lembaga tersebut telah diiktiraf di peringkat global sebagai sebuah institusi bagi industri dan R&D sawit.

"Jika kami telah berpuas hati, kami tidak akan ke mana-mana. Biar idea baharu masuk dan kami akan menghasilkan produk dan teknologi baharu."

"Kami telah terlibat dalam industri ini dan menerima maklum balas mengenai apa yang diperlukan. Hasilnya kelak akan dikembalikan kepada industri," katanya pada Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi MPOB 2018, di sini.

## PENSIJILAN MSPO DIPAKAI OLEH SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK TOKYO 2020

Utusan Borneo Sarawak, 8 Julai 2018

KUALA LUMPUR - Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) telah diguna pakai sebagai medium bagi Kod Penyumberan Lestari Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020, kata Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Ia menjadi antara tiga pensijilan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kod Penyumberan Lestari Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 selain pensijilan Minyak Sawit Lestari Indonesia (ISPO) dan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO).

Dengan penggunaannya, Jepun hanya akan menggunakan produk makanan dan bukan makanan seperti sabun yang menerima sijil MSPO, ISPO dan RSPO dalam acara-acara berkaitan.

Pengiktirafan ke atas pensijilan itu di peringkat antarabangsa menandakan satu era baharu dalam penjenamaan minyak sawit Malaysia kerana ia telah meraih kecemerlangan dan mengatasi banyak cabaran.

## KEMENTERIAN USAHA TEROKA PASARAN BAHARU MINYAK SAWIT

Berita Harian, 8 Ogos 2018

PUTRAJAYA - Kementerian Industri Utama sedang berusaha meneroka pasaran baharu minyak sawit melalui kerjasama rapat dengan beberapa negara luar yang berpotensi.

Ia bagi menangani isu larangan penggunaan minyak sawit dalam biodiesel oleh Kesatuan Eropah (EU).

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, negara seperti Filipina, Iran dan Turki serta benua Afrika Barat antara sasaran pasaran baharu itu, selain mengekalkan negara sedia ada yang menjadi pembeli minyak sawit utama negara ini.

Dalam usaha itu, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan dipertanggungjawabkan untuk menjalin hubungan dengan negara berkenaan ke arah meningkatkan eksport sawit Malaysia," katanya.





**RealStrong®**  
AgriCulture Innovation

# MPOB F4

## Baja Bio-Kimia 3 dalam 1

### dirumuskan khusus untuk kelapa sawit



# Hasil Lebih dan Berkualiti

**Baja Bio-Kimia RealStrong**  
meningkatkan pengambilan  
nutrien untuk pertumbuhan  
optimum dan hasil yang  
berkualiti tinggi.

**All Cosmos Industries Sdn Bhd**  
(487874-D)

**Ibu Pejabat/Kilang 2**  
PLO 650, Jalan Keluli 7,  
Pasir Gudang Industrial Estate,  
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.  
Tel: +607-252 3788  
Fax: +607-251 2588 / +607-252 5298

**Kilang Johor 1**  
PLO 442, Jalan Suasu,  
Pasir Gudang Industrial Estate,  
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia  
Tel: +607-252 8066 Fax: +607-255 3904

**Pejabat Kuala Lumpur**  
No. 42-2, Jalan PJU 5/11,  
Dataran Sunway, Kota Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Tel: +603-6141 6758 Fax: +603-6141 6548

**Pejabat Indonesia**  
Ira Building, Jl. cactus Raya,  
Blok J No. 1 Komp. Perumahan,  
Taman Setia Budi Indah, Medan,  
Sumatera Utara, Indonesia - 2013.  
Tel: +6262 8201 288

**Sabah Softwoods Hybrid  
Fertiliser Sdn Bhd** (921845-M)

**Kilang**  
POIC, Lot 50 & 51, Phase 2,  
Jalan Tengah Nipoh 5.5km,  
91100 Lahad Datu, Sabah, Malaysia.  
Tel: +6089-863 280  
Fax: +6089-863 290

**Laman Web :** [www.allcosmos.com](http://www.allcosmos.com)  
**Emel:** [sales\\_marketing@allcosmos.com](mailto:sales_marketing@allcosmos.com)



**YouTube**

[www.youtube.com/theacbt](http://www.youtube.com/theacbt)

**facebook**

Find us at Facebook  
[www.facebook.com/allcosmos](http://www.facebook.com/allcosmos)

# DIARI & PERISTIWA

(SEPTEMBER-DISEMBER 2018)

SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
<b>ZON TIMUR</b>			
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	22/9/2018	Besut @ Setiu, Terengganu	<b>Penyelaras TUNAS Zon Timur</b> Mohd Khairul Anwar Isnin Tel: 09-296 0580 khairulanwar@mpob.gov.my
<b>ZON UTARA</b>			
Surveillance Audit SPOC A5, A6, A7, A8 & A9	6-10/11/2018	Hilir Perak, TBC	<b>Penyelaras TUNAS Zon Utara</b> Parthiban Kannan Tel: 05-623 4104 parthiban@mpob.gov.my
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	5/9/2018 7/11/2018	Seri Iskandar, Perak Taiping, Perak	
<b>ZON SELATAN 1</b>			
Program Latihan Pensijilan MPOB GAP/ Promosi KPSM/MSPO	28/10/2018 25/11/2018	Dewan Seminar Stesen MARDI, Kluang Dewan Seminar Stesen MARDI, Kluang	<b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1</b> Nur Suhana Dahari Tel: 07-789 1133 nursuhana@mpob.gov.my
<b>ZON SABAH 1</b>			
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	6/9/2018	Dewan Mini Kg Murni C, Nabawan	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1</b> Amran Arifin Tel: 088-493 700 amranarifin@mpob.gov.my
Lawatan Sambil Belajar Kepada Pekebun Kecil	21/9/2018	Kompleks Pejabat MPOB Wilayah Sabah	
<b>ZON SABAH 2</b>			
Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan MPOB	20/9/2018	Dewan PLASMA Inn MPOB Lahad Datu, Sabah	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2</b> Juhari Bungkin (Memangku) Tel: 089-897 106 juhari@mpob.gov.my
<b>ZON SARAWAK 1</b>			
Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil	19/9/2018	Dewan Masyarakat Julau	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> Arfan Johari Tel: 083-436 273 arfan@mpob.gov.my
Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan	19/9/2018	Dewan Masyarakat Julau	
Program Latihan Pensijilan MPOB GAP/MSPO/ Promosi KPSM	19/9/2018	Dewan Masyarakat Julau	
Perasmian Pusat Timbang Daerah Sarikei/MAT/MAP	24/9/2018 26/11/2018	(RAMP) KPSM Daerah Sarikei	
Roadshow Skim Bantuan TBSPK/ TSSPK/IIa/ITe dan Promosi KPSM	23/10/2018 20/11/2018 17/12/2018	Dewan SK Sg Mador Bintangor, Tapak Pesta Nanas Sarikei Pesta Lada Julau	
Program Taklimat Pensijilan MPOB GAP/MSPO/KPSM	17/10/2018	Bilik Seminar Menara Pehin Setiaraja Mukah	

**Nota:** SPOC: Kelompok Minyak Sawit Malaysia  
GAP: Amalan Pertanian Baik  
KPSM: Koperasi Penanam Sawit Mampam  
MAT: Mesyuarat Agung Tahunan  
MAP: Mesyuarat Agung Permulaan

TSSPK: Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil  
TBSPK: Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil  
IIa: Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit  
ITe: Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit

Sebarang perubahan tarikh adalah tertakluk kepada penganjur. Pohon hubungi pegawai terlibat untuk sebarang maklumat lanjut.

# BORANG PENILAIAN WARTA SAWIT

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah    2 – Sederhana    3 – Baik    4 – Memuaskan    5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

- Pegawai TUNAS MPOB                       Portal MPOB  
 Pejabat TUNAS MPOB                       Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_  
 Seminar/Kursus anjuran MPOB                      \_\_\_\_\_



6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

---

---

---

7. Adakah anda ingin MPOB mengirimkan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

---

---

---

8. Adakah Direktori yang disertakan berguna atau tidak?

---

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 017-8219 693

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.

# SUDUT EKONOMI


MEI - JULAI 2018

Saban tahun industri sawit Malaysia perlu menempuhi pelbagai cabaran dan isu daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu sehinggalah kepada tindakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang berusaha untuk menjatuhkan industri sawit negara. Namun dengan kerjasama padu daripada semua pihak industri dan kerajaan melalui Kementerian Industri Utama dan agensi pelaksana iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), segala cabaran ini dapat ditangani bersama-sama.

Cabaran yang dihadapi industri ketika ini ialah prestasi harga yang rendah di mana harga minyak sawit mentah (MSM) Malaysia bagi tempoh Mei hingga Julai telah menunjukkan trend penurunan dan dijangka berlarutan sehingga Ogos 2018. Harga MSM telah menyusut sebanyak RM 181 (7.6%) kepada RM 2215 setan pada Julai 2018 berbanding RM 2396 setan pada Mei 2018 (*Jadual 1*). Harga isirung sawit (PK) pula telah

permintaan eksport bagi minyak sawit yang lemah oleh negara pengimport utama pada suku tahun kedua 2018. Eksport minyak sawit ke India contohnya telah menyusut dengan ketara kesan daripada pengenaan cukai import yang tinggi oleh Kerajaan India. Cukai import ke atas MSM telah dinaikkan kepada 48.4% manakala bagi minyak sawit yang diproses kepada 59.4%. Cukai import ke atas minyak sawit yang tinggi ini telah menyebabkan eksport minyak sawit ke India telah menurun sebanyak 21.5% kepada hanya 131 491 tan pada Julai berbanding 159 724 tan pada Jun 2018.

Selain itu, kelemahan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran juga turut menyumbang kepada kejatuhan harga produk sawit di pasaran kerana kedua-dua harga produk ini bergerak seiringan di pasaran. Harga SBO direkodkan pada USD 793 setan pada Mei 2018 dan telah menunjukkan penurunan, iaitu USD 786 setan



Rajah 1. Pengeluaran bulanan minyak sawit mentah pada 2017 dan 2018.

menyusut sebanyak RM 53.50 atau 3.0% kepada RM 1736 setan pada Julai berbanding RM 1789.50 setan pada Mei 2018. Selari dengan kelemahan harga MSM dan PK di pasaran, harga BTS turut mencatatkan penurunan bagi tempoh Mei-Julai 2018. Harga BTS, di pintu kilang telah menyusut sebanyak 8.4% atau RM 42 kepada RM 456 setan pada Julai 2018 berbanding RM 498 setan pada Mei 2018.

Faktor utama penyumbang kepada kejatuhan harga MSM di pasaran adalah disebabkan oleh

pada Jun dan terus menyusut kepada USD 775/ tan pada Julai 2018. Stok minyak sawit yang tinggi, iaitu melebihi paras 2.0 juta tan bagi tempoh Mei-Julai 2018 turut menyumbang kepada kejatuhan harga MSM di pasaran pada tempoh masa tersebut.

Pengeluaran MSM pada Mei-Julai 2018 adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada 2017. Ini menunjukkan pengeluaran MSM telah mengalami penyusutan walaupun kebiasaannya ketika ini, ia merupakan waktu pengeluaran MSM

JADUAL 1. PERGERAKAN HARGA PURATA CPO DAN BTS (RM/tan)

Bulan	2017		2018	
	MSM	BTS	MSM	BTS
Januari	3 268.00	759	2 486.50	520
Februari	3 233.00	726	2 488.00	535
Mac	2 955.50	632	2 426.50	516
April	2 752.50	573	2 418.00	514
Mei	2 803.50	591	2 396.00	498
Jun	2 686.00	561	2 324.00	481
Julai	2 629.50	548	2 215.00	456
Ogos	2 633.00	560	-	-
September	2 780.50	605	-	-
Oktober	2 736.00	609	-	-
November	2 689.00	585	-	-
Disember	2 407.00	522	-	-
<b>Purata (Jan-Julai)</b>	<b>3 126.00</b>	<b>627</b>	<b>2 393.50</b>	<b>503</b>
<b>Purata (Jan-Dis)</b>	<b>2 783.00</b>	<b>606</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Sumber: MPOB (2018).

yang tinggi pada setiap tahun. Jumlah pengeluaran MSM dicatatkan pada 1.53 juta tan pada Mei 2018 dan menurun kepada 1.33 juta tan pada Jun dan meningkat sedikit kepada 1.50 juta tan pada Julai 2018 (*Rajah 1*). Pengeluaran MSM dijangka kekal lebih rendah pada Ogos 2018 berbanding jangka masa yang sama pada 2017.

Secara keseluruhan, jumlah dan nilai eksport produk sawit Malaysia telah mencatatkan arah aliran penurunan pada Mei-Jun 2018. Jumlah eksport produk sawit telah menyusut dengan ketara iaitu sebanyak 0.19 juta tan atau 9.6% kepada 1.79 juta tan pada Jun berbanding 1.98

juta tan pada Mei 2018 (*Jadual 2*). Penurunan dalam jumlah eksport produk sawit bagi tempoh masa Jun 2018 ini disebabkan oleh pengurangan permintaan minyak sawit oleh negara pengimport seperti Turki, China, Pakistan dan Nigeria.

Kelemahan harga produk sawit di pasaran juga telah menyebabkan nilai eksport produk sawit mengalami penurunan bagi tempoh Mei-Jun 2018, iaitu menyusut sebanyak 11.9% kepada RM 4.75 bilion pada Jun berbanding RM 5.39 bilion pada Mei 2018 (*Jadual 3*).

*Jadual 4* menunjukkan lain-lain petunjuk prestasi terpilih industri sawit Malaysia. Pada

JADUAL 2. PRESTASI JUMLAH EKSPORT PRODUK SAWIT (tan)

Produk	Mei 2018	Jun 2018	Julai 2018	Januari - Julai		Beza	
				2018	2017	tan	%
Minyak sawit	1 291 365	1 129 515	1 205 813	9 438 042	9 230 610	207 432	2.2
Minyak isirung	67 093	73 378	74 696	542 173	491 711	50 462	10.3
Dedak isirung	214 149	201 625	150 521	1 313 167	1 232 637	80 529	6.5
Oleokimia	259 849	231 430	264 706	1 741 183	1 499 840	241 343	16.1
Produk akhir	54 011	39 748	60 443	326 533	265 049	61 484	23.2
Biodiesel	41 822	41 762	66 197	270 954	185 644	85 311	46.0
Lain-lain	57 887	74 418	95 816	557 203	402 148	155 054	38.6
<b>Jumlah</b>	<b>1 981 175</b>	<b>1 791 875</b>	<b>1 918 192</b>	<b>14 189 255</b>	<b>13 307 640</b>	<b>881 615</b>	<b>6.6</b>

Sumber: MPOB (2018).

JADUAL 3. PRESTASI NILAI EKSPORT PRODUK SAWIT (RM juta)

Produk	Mei 2018	Jun 2018	Julai 2018	Januari - Julai		Beza	
				2018	2017	tan	%
				Minyak sawit	3 373.73	2 918.25	3 062.78
Minyak isirung	301.78	316.04	309.65	2 561.18	3 013.65	(452.47)	(15.0)
Dedak isirung	98.06	91.20	71.19	605.92	507.67	98.24	19.4
Oleokimia	1 227.76	1 058.68	1 158.72	8 330.16	8 446.92	(116.76)	(1.4)
Produk akhir	244.14	192.54	263.50	1 453.29	1 227.69	225.60	18.4
Biodiesel	122.30	123.33	190.84	789.38	620.55	168.83	27.2
Lain-lain	38.45	53.46	73.98	383.23	252.74	130.50	51.6
<b>Jumlah</b>	<b>5 391.57</b>	<b>4 753.49</b>	<b>5 130.65</b>	<b>38 675.07</b>	<b>43 081.94</b>	<b>(4 406.86)</b>	<b>(10.2)</b>

Sumber: MPOB (2018).

JADUAL 4. PETUNJUK PRESTASI INDIKATOR TERPILIH INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Indikator	Mei 2018	Jun 2018	Julai 2018	Januari - Julai		Beza	
				2018	2017	Jumlah	%
				Hasil BTS (tan/ha)	1.32	1.17	1.29
OER (%)	20.04	20.07	19.65	19.86	19.69	0.17	0.9
Stok (juta tan)	2.17	2.19	2.21	2.30	1.57	0.73	46.5

Jun 2018, hasil BTS didapati telah menurun dengan ketara iaitu sebanyak 11.4% kepada 1.17 tan/ha berbanding 1.32 tan/ha pada Mei 2018. Kadar perahan minyak (OER) pula telah meningkat sedikit iaitu 0.1% kepada 20.07% pada Jun berbanding 20.04% yang dicapai pada bulan sebelumnya. Kesan daripada kelemahan prestasi eksport didapati stok minyak sawit telah meningkat sebanyak 0.1% kepada 2.19 juta tan pada Jun berbanding 2.17 juta tan yang direkodkan pada Mei 2018.

Kesan daripada peningkatan bekalan minyak sawit, prestasi eksport yang lemah dan kejatuhan harga minyak kacang soya telah menyebabkan

harga minyak sawit bagi tempoh suku tahun kedua 2018 adalah lebih rendah berbanding suku tahun pertama. Faktor ini sedikit sebanyak membantutkan prestasi industri sawit negara pada 2018. Harga minyak sawit yang rendah menyumbang kepada kejatuhan harga BTS dan seterusnya menjejaskan pendapatan pekebun kecil sawit. Prestasi industri sawit Malaysia dijangka akan terus mencabar pada suku tahun ketiga 2018. Justeru itu, langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang sedang dirangka oleh kerajaan untuk memastikan harga minyak sawit dapat dikukuhkan kembali pada masa hadapan.



Sumbangan:  
Ayatollah K Ab Rahman;  
Norfadilah Hashim dan N Balu  
ayat@mpob.gov.my

## USAHAWAN SAWIT JAYA

### SETIAP PENGETAHUAN MENGHASILKAN KEJAYAAN



Mohamad Busman, 59 tahun berasal dari Kg Tebang, Daro, Sarawak. Beliau merupakan seorang pekebun kecil sawit yang berjaya. Beliau mempunyai seorang isteri, Selamah Busu, 59 tahun seorang suri rumah sepenuh masa dan telah dikurniakan lima orang cahaya mata. Mohamad juga merupakan seorang Ahli Kelab 30 Tan iaitu pekebun yang berjaya memperoleh hasil sawit melebihi 30 tan/ha/thn dan menjadi contoh kepada pekebun kecil lain di kampungnya.

Sebelum bergiat aktif dalam penanaman sawit, beliau merupakan seorang nelayan, sejak tamat pelajaran di sekolah rendah. Pendapatan sebagai seorang nelayan amatlah lumayan pada masa itu, namun beliau telah bertekad untuk berhenti sebagai nelayan pada 1990 kerana tangkapan ikan di sungai sekitar kampung itu semakin berkurangan. Semenjak itu, beliau beralih pula kepada bidang perkerjaan lain iaitu menjadi pemandu van yang mengambil penumpang dari pasar ke destinasi lain di sekitar Daro. Dalam pada itu, beliau mula berminat untuk menceburi industri sawit dalam sektor perladangan sebagai pekebun kecil. Beliau akan menjadikan pekerjaan pemandu van sebagai sambilan sahaja untuk memberikan perhatian penuh kepada penanaman sawit.

Beliau menanam minat dalam aktiviti penanaman sawit ini sejak tahun 2006 lagi.

Beliau mengetahui tentang potensi penanaman sawit ini melalui media massa. Justeru itu, beliau telah berusaha mempelajari sedikit sebanyak ilmu berkaitan penanaman sawit. Pada awal penglibatan beliau dalam penanaman sawit, beliau mendapati tanaman sawit mempunyai potensi yang tinggi untuk mendapat keuntungan lumayan berbanding tanaman lain. Minat tersebut timbul setelah melihat industri perladangan sawit di kampungnya berkembang maju dengan pembukaan ladang-ladang baru oleh syarikat swasta. Pada masa itu, beliau banyak menerima nasihat serta bimbingan daripada sahabat beliau yang lebih berpengalaman tentang ilmu penanaman sawit.

Dengan berbekalkan azam dan semangat yang kuat beliau telah mengumpul modal melalui simpanan dan mula mengusahakan tanaman sawit. Pada 2007, beliau telah memulakan peringkat awal penanaman sawit dengan menanam sebanyak 250 pokok anak benih sawit yang diperolehi dari Felcra Estate Tanjung Jol. Beliau mengamalkan jarak tanaman sawit sistem tiga segi dengan ukuran 8.8 m x 8.8 m x 8.8 m. Bagi kerja penyediaan kawasan, beliau menyewa jentera daripada kontraktor dan selebihnya beliau mengusahakan sendiri tanpa bantuan orang lain. Peralatan kebun seperti kereta sorong digunakan untuk mengangkat anak benih sawit.

Berkat usaha dan kegigihan, kini beliau telah dapat meluaskan kawasan tanaman sawitnya kepada 14.57 ha. Beliau mengupah penduduk tempatan sebagai pekerja sambilan bagi membantunya mengusahakan kebun. Beliau sendiri memantau keadaan kebun dan memastikan kerja-kerja ladang yang dilakukan sentiasa diurus dengan baik dan teratur. Melalui hasil pendapatan jualan sawit, beliau kini memiliki jentera ladang sendiri iaitu sebuah lori 3 tan, sebuah jentera pengangkut buah sawit (*Rajah 1*) serta kenderaan bermotor lain.

Untuk aktiviti pembajaan, Mohamad menggunakan baja Muriate of Potash (MOP) yang ditabur sebanyak empat kali setahun dengan kadar yang disyorkan mengikut umur pokok sawit. Kerja pemangkasan pelepah pula dilakukan serentak semasa kerja penuaian dijalankan. Pelepah yang tua dan tidak berfungsi akan dipotong dan semua pelepah yang telah dipangkas disusun pada lorong pelepah untuk dibiarkan mereput (*Rajah 2*).

Aktiviti penuaian dilakukan dua kali sebulan iaitu pada awal dan pertengahan bulan (15 hari sepusingan). Ketika kerja penuaian dijalankan, beliau akan memastikan hanya buah tandan



Rajah 1. Jentera pengangkut BTS.



Rajah 2. Penyusunan pelepah di antara barisan sawit.



Rajah 3. Keadaan kebun sawit Mohamad Busman.

sawit yang cukup masak sahaja dituai dengan berpandukan warna buah masak iaitu oren kemerahan dan terdapat sekurang-kurangnya 10 biji buah relai gugur pada pangkal pokok. Setiap pekerja dibayar upah mengikut jumlah tan sawit yang dituai. Semua buah tandan segar yang dituai akan dihantar ke Kilang Sawit Jaya Tiasa Oil Palm Development Sdn Bhd dalam tempoh 24 jam.

Mohamad telah menempuh pelbagai rintangan dan cabaran dalam usaha memperoleh kejayaan kebun sawitnya. Antaranya ialah serangan anai-anai pada pokok sawit dan keperluan peralatan mekanisasi berteknologi yang memerlukan kos tinggi.

Walau bagaimanapun, beliau yakin bahawa setiap masalah tersebut akan dapat diatasi dan tidak sedikit pun mematahkan semangat beliau untuk meneruskan aktiviti perladangan ini. Beliau menggunakan racun kimia dan racun rumpai yang terdapat di pasaran untuk membasmi anai-

anai pada pokok sawit dan mengawal rumpai di ladang. Beliau juga banyak belajar dan menimba pengalaman dari kakaknya, Fatimah Busman tentang cara menguruskan kebun sawit.

Pada akhir temu bual, Mohamad Busman sempat mengungkapkan pesanan, "Ceburilah bidang perladangan sawit kerana ia berpotensi besar dan dapat menjana pendapatan keluarga serta memajukan ekonomi negara". Semoga akan ada lebih ramai pemilik kebun khususnya generasi muda menceburi perusahaan tanaman sawit dan menempa kejayaan seperti beliau.

**Temubual bersama pekebun kecil telah diadakan pada 30 April 2018.**



Sumbangan:  
Mohamad Arfan Johari  
arfan@mpob.gov.my

# MANUAL PENGGREDAN BUAH KELAPA SAWIT

SIRI 5

## BAB 3:3.3 KLASIFIKASI TANDAN

- 3.3.1 Tandan Bermutu ialah tandan segar yang berkualiti serta mempunyai kandungan minyak yang tinggi, dan tidak dikenakan penalti. Tandan Tidak Bermutu adalah tandan yang dikenakan penalti dan termasuk tandan yang dikeluarkan daripada konsainan. Antara tandan-tandan yang tidak bermutu adalah Tandan Mengkal, Tandan Muda, Tandan Busuk, Tandan Kosong, Tandan Peram, Tandan Kotor, Tandan Lama, Tandan Dura dan Tandan Tangkai Panjang. Tandan Tidak Bermutu kecuali tandan yang ditolak daripada konsainan yang dihantar ke kilang akan dikenakan penalti melalui potongan terhadap Kadar Perahan Minyak Asas.
- 1.3.2 Semua Tandan Masak, Tandan Terlebih Masak dan Tandan Mengkal yang telah dituai berserta buah relai hendaklah dihantar ke kilang dalam masa 24 jam selepas dituai. Aktiviti penjualan buah relai secara berasingan daripada tandan asal dan aktiviti peleraian tandan untuk mendapatkan buah relai adalah dilarang.
- 3.3.3 Penilaian mutu tandan hendaklah dibuat semasa penggredan di premis kilang dan peniaga buah kelapa sawit. Tandan buah kelapa sawit boleh dikelaskan mengikut kriteria-kriteria mutu tandan seperti yang dihuraikan di bawah:

MPOB telah menerbitkan buku *Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)*. Buku ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran minyak dan isirung sawit. Buku boleh diperoleh secara:

**RM 20.00**



Pembelian tunai di **PalmShoppe MPOB:**

Ibu Pejabat MPOB (03-8769 4908),

Stesen Penyelidikan Kluang (07-789 1131), Wisma Sawit Kelana Jaya (03-7820 2854),

Stesen Penyelidikan Keratong (09-451 4400), Pejabat Cawangan Kuantan (09-572 9696) dan

Pejabat Wilayah Sabah (088-493 702)

**ATAU**

Pembelian melalui pos dengan menghantar wang pos, draf bank, deposit tunai ke akaun MPOB (No. Akaun CIMB: 8600466967) atau cek atas nama 'Ketua Pengarah MPOB' ke:

- Palmshoppe Ibu Pejabat MPOB  
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur (u/p: Mohd Rizal Reduan)  
No. Tel: 03-8769 4908 No. Faks: 03-8925 4213  
Laman Web: [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

\* Dipetik daripada Buku Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015).

# Direktori

## M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
<b>Ibu Pejabat</b>	Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-8769 4400 Faks : 03-8925 9642
<b>Pejabat Wisma Sawit</b>	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-7802 2800 Faks : 03-7803 3533
<b>Pejabat Wilayah</b>	<b>MPOB Wilayah Utara</b> Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang	Tel : 04-323 0490/0526 Faks : 04-323 0527
	<b>MPOB Wilayah Tengah</b> Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	Tel : 03-8911 0000
	<b>MPOB Wilayah Selatan</b> Tingkat 3, Bangunan Timjaya, No. 127, Batu 4 ½, Jalan Skudai, 81200 Johor Bahru, Johor	Tel : 07-232 7551/7552/7553 Faks : 07-232 7554
	<b>MPOB Wilayah Timur</b> Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang	Tel : 09-572 9696 Faks : 09-572 9876
	<b>MPOB Wilayah Sarawak</b> Tingkat 4, Crown Towers 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak	Tel : 082-342 871/484 051 Faks : 082-342 876
	<b>MPOB Wilayah Sabah</b> Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC) Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah	Tel : 088-493 700/702/703 Faks : 088-493 709

# TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Ainul Shazwin Sahidan**  
(Tel: 03-8769 4497)  
ainul.shazwin@mpob.gov.my

atau

**Reza Ashraf Zakaria**  
(Tel: 03-8769 4997)  
reza@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Anda juga boleh membuat tempahan iklan menerusi aplikasi *whatsapp*. Sila ambil gambar borang iklan ini dan hantar ke 017-821 9693. Pegawai kami akan menghubungi anda untuk urusan lanjut.

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
70/(3) 2018	September -Disember 2018	30 November 2018
71/(1) 2019	Januari-April 2019	31 Mac 2019
72/(2)2019	Mei-Ogos 2019	31 Julai 2019

## SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1900
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

think green. think briar



# Meningkatkan produktiviti, Memelihara kualiti tanah dengan efektif, Melindungi alam sekitar dan pertumbuhan yang mampan

Baja kimia organik yang terkini, Formula nutrien yang berkesan, Terdiri daripada fosforus larut, Diperbuat daripada bahan mentah yang berkualiti



**MPOB**  
Formulated by  
Malaysian Palm Oil Board



**SUPER K18**



**SUPER K28**



**NARSCO FERT**



**MPOB F5 SUPER**



**MPOB F5 SUPER**



**MPOB F5**

**Briar Resources Sdn Bhd (1085890-X)**

No.2-1 Jalan Kiara 2, Kawasan Perniagaan Kiara, 43500 Semenyih, Selangor

Tel: +6012 405 1725 Fax: +603 8727 6555

www.briar.com.my info@briar.com.my

